



JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN

(Department of Skills Development)

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

(Ministry of Human Resources)

Aras 7- 8, Setia Perkasa 4, Kompleks Setia Perkasa

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62530 W. P. Putrajaya

MALAYSIA

Telefon : 03-8886 5589

E-mel : jpk@mohr.gov.my

Web : www.dsd.gov.my

Ruj. Kami: JPK.700-2/1/2(26)

Tarikh: 19 Januari 2024

Semua Pemohon Persijilan Kemahiran Malaysia
Kaedah Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING KETUA PENGARAH PEMBANGUNAN
KEMAHIRAN BIL. 1/2024:**

**Tatacara Pendaftaran Sebagai Calon Pengiktirafan Pencapaian
Terdahulu Secara Gabungan Tahap**

Sistem Pensijilan Kemahiran Malaysia melalui kaedah Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT) telah diperkenalkan pada tahun 1996 yang memberi peluang kepada pekerja berpengalaman untuk pengiktirafan kompetensi. Pada peringkat awal, kaedah penilaian dalam SPKM hanya dihadkan kepada Mengikut Tahap (MT) sebelum diperluaskan kepada Persijilan Tahap Tunggal [*Single Tier (ST)*] dan *Micro Credential*.

2. Bagi membuka peluang kepada pekerja berpengalaman untuk mendapatkan persijilan pada tahap tertinggi dalam masa yang singkat, Jabatan telah membenarkan pemohon PPT untuk mengemukakan permohonan PPT untuk bidang yang sama pada tahap yang berbeza secara serentak (Gabungan Tahap). Kelonggaran ini telah disalahguna bilamana banyak permohonan PPT yang telah disokong tidak disusuli dengan pembayaran fi pendaftaran PPT bagi membolehkan proses seterusnya diambil. Susulan itu, Jabatan akan menguatkuasakan tatacara pendaftaran PPT yang mewajibkan permohonan PPT pada program tahap lebih rendah perlu disusuli dengan pembayaran pendaftaran terlebih dahulu sebelum seseorang individu boleh mengemukakan permohonan PPT untuk program tahap lebih tinggi. Perincian tatacara adalah sebagaimana Lampiran.

3. Surat Pekeliling Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran bil. 1/2024 berkaitan Tatacara Pendaftaran Sebagai Calon PPT Secara Gabungan Tahap ini berkuatkuasa pada **15 Februari 2024** dan terpakai kepada semua pemohon PPT.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“Pekerja Pemangkin Wadah Malaysia Madani”

Saya yang menjalankan amanah,



(ZULEAH BINTI DARSONG)

Ketua Pengarah

Jabatan Pembangunan Kemahiran

Kementerian Sumber Manusia

Lampiran

Kes 1: Permohonan PPT Mengikut Tahap secara Gabungan Tahap

Area	Perkhidmatan Pelanggan Automotif / <i>Automotive Customer Service</i>
	<i>Level 4,5: Not Available</i>
L3	TP-304-3:2012 Perkhidmatan Pelanggan Bengkel Automotif / <i>Automotive Workshop Customer Service</i> (05-04-2012)
L2	G452-002-2:2018 Perkhidmatan Pembaikan – Kenderaan Ringan / <i>Light Vehicle – Repair Service</i> (07-07-93) (16-07-98) (25-10-10) (24-04-2013) (11-10-2016) (08-10-2018)
	<i>Level 1: No Job Title</i>

Jadual 1: Daftar Standard

1. En. Anas merupakan Juruteknik di bengkel automotif dan berpengalaman selama lima (5) tahun. Berdasarkan Jadual 1, En. Anas layak memohon Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) tahap 3 bagi program Perkhidmatan Pelanggan Bengkel Automotif [TP-304-3:2012].
2. Bagi maksud mendapatkan SKM tahap 3 tersebut, En. Anas perlu mengemukakan permohonan PPT program tahap 2 terlebih dahulu iaitu Perkhidmatan Pembaikan – Kenderaan Ringan [G452-002-2:2018].
3. Selepas permohonan PPT program Perkhidmatan Pembaikan – Kenderaan Ringan [G452-002-2:2018] telah disokong oleh JPK, En. Anas perlu mengemukakan fi bayaran pendaftaran bagi program tersebut.
4. Selepas fi bayaran pendaftaran program Perkhidmatan Pembaikan – Kenderaan Ringan [G452-002-2:2018] telah selesai, barulah En. Anas boleh mengemukakan permohonan program bagi tahap lebih tinggi iaitu Perkhidmatan Pelanggan Bengkel Automotif [TP-304-3:2012].
5. Selepas permohonan PPT program Perkhidmatan Pelanggan Bengkel Automotif [TP-304-3:2012] telah disokong oleh JPK, En. Anas perlu mengemukakan fi bayaran pendaftaran bagi program tersebut.
6. Soalan lazim:

Sekiranya En. Anas mengemukakan dua (2) permohonan PPT serentak iaitu Perkhidmatan Pembaikan – Kenderaan Ringan [G452-002-2:2018] dan Perkhidmatan Pelanggan Bengkel Automotif [TP-304-3:2012], apakah tindakan JPK?

Lampiran

Jawapan:

JPK hanya akan mempertimbangkan sokongan permohonan PPT Perkhidmatan Pembaikan – Kenderaan Ringan [G452-002-2:2018] sahaja dan tidak menyokong permohonan PPT program Perkhidmatan Pelanggan Bengkel Automotif [TP-304-3:2012].

Lampiran

Kes 2: Permohonan PPT *Single Tier* (ST) secara Gabungan Peringkat

Bagi ST, terdapat dua (2) peringkat permohonan iaitu:

1. Peringkat 1: Tahap 1, 2 dan 3.
2. Peringkat 2: Tahap 4 dan 5.

Area	Jualan Automotif / <i>Automotive Sales</i>
L5	TP-312-5:2014 Pengurusan Jualan Runcit Kenderaan / <i>Vehicle Sales Retail Management</i> (16-12-2014)
L4	TP-312-4:2014 Pengurusan Jualan Runcit Kenderaan / <i>Vehicle Sales Retail Management</i> (16-12-2014)
L3	TP-312-3:2014 Penyeliaan Jualan Kenderaan / <i>Vehicle Sales Supervision</i> (02-04-2014)
L2	TP-312-2:2014 Operasi Jualan Kenderaan / <i>Vehicle Sales Operation</i> (02-04-2014)
L1	TP-312-1:2014 Jualan Kenderaan & Sokongan / <i>Vehicle Sales & Supports</i> (02-04-2014)

Jadual 2: Daftar Standard

1. En. Nizam merupakan Eksekutif Jualan di sebuah syarikat jualan kenderaan dan berpengalaman selama sebelas (11) tahun. Berdasarkan Jadual 2, En. Nizam layak memohon Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM) tahap 5 bagi program Pengurusan Jualan Runcit Kenderaan [TP-312-5:2014]. En. Nizam berhasrat mengemukakan permohonan PPT secara ST melalui agensi yang memiliki kelulusan untuk pelaksanaan PPT secara ST.
2. En. Nizam perlu mengemukakan permohonan PPT ST untuk peringkat 1 terlebih dahulu yang meliputi tiga (3) program iaitu:
 - a. Jualan Kenderaan & Sokongan [TP-312-1:2014];
 - b. Operasi Jualan Kenderaan [TP-312-2:2014]; dan
 - c. Penyeliaan Jualan Kenderaan [TP-312-3:2014].
3. Selepas permohonan PPT ST peringkat 1 telah disokong oleh JPK, En. Nizam atau agensi berkaitan perlu mengemukakan fi bayaran pendaftaran bagi peringkat tersebut.

Lampiran

4. Selepas fi bayaran pendaftaran PPT ST peringkat 1 telah selesai, barulah En. Nizam boleh mengemukakan permohonan PPT ST bagi peringkat 2 yang meliputi dua (2) program iaitu:

- a. Pengurusan Jualan Runcit Kenderaan [TP-312-4:2014]; dan
- b. Pengurusan Jualan Runcit Kenderaan [TP-312-5:2014].

5. Selepas permohonan PPT ST peringkat 2 telah disokong oleh JPK, En. Nizam atau agensi berkaitan perlu mengemukakan fi bayaran pendaftaran bagi peringkat tersebut.

6. Soalan lazim:

Sekiranya En. Nizam mengemukakan permohonan PPT ST peringkat 1 dan peringkat 2 serentak, apakah tindakan JPK?

Jawapan:

JPK hanya akan mempertimbangkan sokongan permohonan PPT ST peringkat 1 sahaja. Permohonan PPT ST peringkat 2 tidak akan disokong.